



PEJABAT KOMUNIKASI KORPORAT (CCO)

BORANG PERMOHONAN PENGGANTUNGAN SEPANDUK DAN GEGANTUNG DI UNIVERSITI MALAYA

*Sila tandakan (✓) dalam kotak yang berkenaan sahaja.

BAHAGIAN A – PERMOHONAN PENGGANTUNGAN

Sepanduk Gegantung Sepanduk & Gegantung

BAHAGIAN B – LOKASI PENGGANTUNGAN

Sepanduk		Gegantung	
<input type="checkbox"/>	Pintu masuk Kuala Lumpur	<input type="checkbox"/>	Tiang-tiang lampu sepanjang jalan utama universiti *maksimum 30 unit
<input type="checkbox"/>	Pintu masuk Petaling Jaya	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/>	Berhampiran Fakulti Bahasa & Linguistik	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/>	Berhampiran Bangunan High Impact Research (HIR)	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/>	Berhampiran Pencawang TNB	<input type="checkbox"/>	
Bilangan Unit:		Bilangan Unit:	

BAHAGIAN C – MAKLUMAT PEMOHON

Nama			
PTj/ Institusi		No. telefon	
Nama aktiviti			
Lokasi aktiviti		Tarikh aktiviti	
Tarikh penggantungan		hingga	

BAHAGIAN D – KAEDAH PEMBAYARAN

1.	<p>e-Pay @UM Pembayaran e-Pay melalui (epay.um.edu.my > Perkhidmatan > Sepanduk & Gegantung) dan lampirkan bukti pembayaran.</p>
2.	<p>Pindahan Jurnal Saya mengesahkan bahawa saya telah memperoleh kelulusan untuk membenarkan CCO memohon pindahan peruntukan Pusat Tanggungjawab ke Tabung Akaun Khas Pejabat Komunikasi Korporat (J-50050-UM.0000006 / KWJ.NP.LB).</p> <p>Nombor peruntukan Pusat Tanggungjawab: _____</p>

BAHAGIAN E – PERAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya mengesahkan bahawa:

- Saya telah membaca dan memahami syarat-syarat am penggantungan sepanduk dan gegantung termasuk arahan Universiti Malaya dari semasa ke semasa; dan
- Semua maklumat di dalam borang ini adalah benar.

.....
(Tandatangan Pemohon & Cop PTj/ Organisasi)

Nama: _____

Tarikh: _____

**KELULUSAN PENGGANTUNGAN SEPANDUK DAN GEGANTUNG
DI UNIVERSITI MALAYA**

Nama Aktiviti :

Tempoh Penggantungan : hingga

Permohonan ini : Diluluskan
 Tidak Diluluskan

PERHATIAN:

Sepanduk/ Gegantung yang telah dicetak perlu dibawa ke CCO untuk pengesahan. CCO berhak untuk membatalkan kelulusan permohonan jika didapati cetakan adalah berbeza daripada reka bentuk yang telah diluluskan.

Lokasi Penggantungan yang Diluluskan:			
Sepanduk		Gegantung	
	Pintu masuk Kuala Lumpur		Tiang-tiang lampu sepanjang jalan utama universiti *maksimum 30 unit
	Pintu masuk Petaling Jaya		
	Berhampiran Fakulti Bahasa & Linguistik		
	Berhampiran Bangunan High Impact Research (HIR)		
	Berhampiran Pencawang TNB		
Bilangan : unit		Bilangan : unit	

Caj Penggantungan yang diterima:			
	Sepanduk _____ unit x RM10.00 RM _____		Gegantung _____ unit x RM5.00 RM _____
Caj Perkhidmatan yang diterima:			
	RM50.00 (PTj/ Penganjur)		RM30.00 (Pelajar)
Kaedah Pembayaran:			
	Pindahan Jernal		
	e-Pay		
JUMLAH BAYARAN: RM _____			

.....
 (Tandatangan & Cop Pegawai Pelulus)

Tarikh: _____



PEJABAT KOMUNIKASI KORPORAT (CCO)

SYARAT-SYARAT AM PENGGANTUNGAN SEPANDUK DAN GEGANTUNG DI UNIVERSITI MALAYA

PERINGATAN:


- Pihak penganjur perlu mendapatkan kelulusan draf reka bentuk sepanduk dan gegantung melalui emel CCO: corporate@um.edu.my
- Sepanduk dan gegantung yang telah dicetak hendaklah dibawa ke pejabat CCO untuk proses pembayaran dan pengesahan kelulusan.
- Sekiranya reka bentuk sepanduk dan gegantung yang telah dicetak tidak sama seperti reka bentuk yang telah diluluskan melalui emel, pihak CCO berhak untuk **MEMBATALKAN** permohonan dan tidak membenarkan penggantungan sepanduk dan gegantung.
- Penganjur perlu menempal **PELEKAT KELULUSAN** di bahagian hadapan sepanduk dan gegantung sebelum dihantar ke JPPHB untuk proses penggantungan.
- Pihak Universiti berhak menurunkan sepanduk dan gegantung yang digantung tanpa kelulusan dan jika terdapat keraguan.

1. Reka bentuk sepanduk dan gegantung hendaklah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja, dengan nahu dan ejaan yang betul.
2. Pihak JPPHB bertanggungjawab untuk proses penggantungan sepanduk dan gegantung di dalam kawasan Universiti. Penganjur tidak dibenarkan sama sekali menurunkan atau membuat pertindihan ke atas sepanduk atau gegantung pihak lain.
3. Pihak CCO hanya meluluskan penggantungan sepanduk dan gegantung di dalam kawasan Universiti Malaya sahaja iaitu:
 - Pintu masuk dari Kuala Lumpur
 - Pintu masuk dari Petaling Jaya
 - Berhampiran Bangunan AMCAL/ Fakulti Bahasa & Linguistik
 - Berhampiran Pencawang TNB
 - Tiang-tiang lampu sekitar Universiti Malaya
4. Sekiranya lokasi penggantungan sepanduk dan gegantung di dalam kawasan Universiti adalah selain daripada yang dinyatakan di dalam borang penggantungan, penganjur perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak berkenaan (contoh: Akademi/Fakulti/Institut/Pusat/Kolej Kediaman).
5. Sekiranya sepanduk dan gegantung tersebut digantung di luar kawasan Universiti, kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah diperolehi terlebih dahulu. (contoh: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)). Salinan borang kelulusan tersebut hendaklah dikemukakan kepada CCO untuk rekod.
6. Bagi aktiviti pelajar, sila kemukakan salinan surat kelulusan mengadakan aktiviti daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).
7. Kegagalan untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pihak CCO berhak membatalkan kelulusan tanpa apa-apa notis.
8. Pihak Universiti **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** ke atas sebarang kemalangan yang berlaku melibatkan penggantungan sepanduk dan gegantung oleh penganjur luar.

PENGANJUR	CAJ PERKHIDMATAN	CAJ PENGGANTUNGAN	DEPOSIT	CATATAN
Penganjur Utama: PTj UM	RM50.00	1 unit sepanduk: RM10.00 1 unit gegantung: RM5.00 (maksimum 30 unit)	tiada	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelekat kelulusan perlu ditampal di bahagian hadapan setiap sepanduk dan gegantung. ➤ Penggantungan oleh pihak JPPHB.
Penganjur Utama: PTj UM Penganjur Bersama: Pihak Luar	RM50.00			
Penganjur Utama: Pelajar UM	RM30.00			
Penganjur Utama: Pihak Luar	RM50.00	1 unit sepanduk: RM10.00 1 unit gegantung: RM5.00 (maksimum 30 unit)	tiada	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelekat kelulusan perlu ditampal di bahagian hadapan setiap sepanduk dan gegantung. ➤ Penggantungan oleh pihak JPPHB.
		tiada caj jika penganjur membuat penggantungan sendiri	RM150.00	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pemantauan penggantungan dan penurunan adalah dibawah tanggungjawab penganjur sendiri. ➤ Sepanduk dan gegantung perlu diturunkan dalam tempoh tiga (3) hari berikutan tarikh penggantungan. ➤ Deposit akan dikembalikan setelah sepanduk dan gegantung selesai diturunkan mengikut tarikh penggantungan. ➤ Deposit yang tidak dituntut dalam tempoh dua (2) minggu dikira sebagai luput dan tidak akan dikembalikan

UKURAN SEPANDUK DAN GEGANTUNG

Berikut adalah ukuran yang diluluskan oleh pihak Universiti:



(Pihak CCO tidak akan meluluskan sepanduk dan gegantung yang tidak mengikut saiz yang ditetapkan)


PENGGUNAAN LOGO UNIVERSITI MALAYA



1. Hanya logo rasmi Universiti Malaysia versi Bahasa Malaysia **ATAU** Bahasa Inggeris sahaja yang dibenarkan untuk digunakan dalam reka bentuk sepanduk atau gegantung.
2. Rujukan kepada logo Universiti Malaysia boleh didapati dengan melayari laman sesawang UMPortal (<http://portal.um.edu.my>) seperti langkah berikut: **UMPortal >> Ptj info >> Pejabat Komunikasi Korporat (CCO) >> Borang >> Borang Penggantungan Sepanduk dan Gegantung**

KEDUDUKAN LOGO UNIVERSITI MALAYA PADA SEPANDUK DAN GEGANTUNG

1. Susunan logo genap dan ganjil perlu disusun mengikut keutamaan kekananan dari segi protokol



1.1 LOGO UM SAHAJA:

- logo UM diletak dibahagian atas reka bentuk (kedudukan di tengah, kiri atau kanan)



1.2 Logo UM BERSAMA LOGO KERAJAAN ATAU INSTITUSI LAIN:

- 2 logo – Sekiranya logo UM bersama logo Kerajaan, logo UM diletakkan di sebelah kanan manakala logo Kerajaan di sebelah kiri mengikut kekananan.



- 3 logo – Sekiranya logo UM bersama logo Kerajaan/Kementerian, kedudukan logo UM di sebelah kanan, logo Kerajaan di tengah dan logo lain di sebelah kiri.



PERINGATAN:

Kedudukan logo UM dan logo-logo institusi lain adalah bergantung kepada majlis dan reka bentuk sepanduk dan gegantung. Penganjur dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan daripada pihak CCO mengenai kedudukan logo yang tepat.